

# AKTIVITI PEMBELAJARAN PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH

Aktiviti pembelajaran yang diadakan semasa tempoh pengajian ialah:

## PROGRAM ORIENTASI

Program Orientasi adalah program pengenalan yang diadakan kepada pelajar baharu bagi setiap Sidang Akademik. Program ini biasanya akan dijalankan pada sekitar bulan Ogos. Semua pelajar baharu adalah diwajibkan hadir dan berada di Kampus Induk USM Pulau Pinang dalam tempoh orientasi ini. Aktiviti Program Orientasi termasuklah pendaftaran kehadiran, taklimat pengajian/pendaftaran, Majlis Sambutan/Ikrar Pelajar dan kuliah pengenalan. Permohonan cuti untuk menghadiri Program Orientasi adalah di bawah tanggung jawab pelajar.

## BAHAN PEMBELAJARAN

Pembelajaran sendiri melalui bahan yang ditulis khas (modul), buku teks terpilih atau *Ebook* dan bahan-bahan multimedia. Pelajar akan dibekalkan dengan modul sebagai bahan pembelajaran atau kad 'password' untuk *E-book*.

## PORTAL E-PEMBELAJARAN

Portal E-Pembelajaran disediakan untuk pelajar mengakses maklumat pembelajaran dan juga berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas. Maklumat yang disediakan di portal adalah seperti perancangan akademik, soalan tugasan dan rakaman tutorial sidang video. Hebahan dan berita rasmi PPPJJ juga dipaparkan dalam portal. Alamat portal E-Pembelajaran: <http://el.usm.mv>

## TUTORIAL SIDANG VIDEO

Tutorial sidang video interaktif dikendalikan sendiri oleh pensyarah di PPPJJ melalui perkhidmatan sidang video. Pelajar akan mengikuti tutorial sidang video di pusat wilayah masing-masing. Tutorial sidang video bukanlah untuk penyampaian kuliah tetapi kelas perbincangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari pelajaran mereka di pusat-pusat wilayah. Oleh itu, pelajar perlu menyediakan diri terlebih dahulu sebelum hadir ke tutorial sidang video.

## KELAS AMALI

Terdapat beberapa kursus Biologi, Fizik dan Kimia yang mempunyai komponen amali. Kelas amali akan dijalankan di Pusat-Pusat Wilayah yang berkenaan dan juga di kampus USM semasa Kursus Intensif.

## PENILAIAN BERTERUSAN / TUGASAN

Semasa dalam pengajian, pelajar juga dikehendaki menyelesaikan tugasan dan/atau menduduki penilaian berterusan yang diadakan semasa Kursus Intensif.

## KURSUS INTENSIF

Kursus Intensif akan diadakan selama 2-3 minggu pada sekitar bulan Januari/Februari. Semua pelajar PPJJ diwajibkan hadir dan berada di Kampus Induk USM di Pulau Pinang. Aktiviti kursus intensif termasuklah kuliah, tutorial, amali, penilaian berterusan dan membuat rujukan di perpustakaan. Permohonan cuti untuk menghadiri Kursus Intensif adalah di bawah tanggung jawab pelajar sendiri.

## PEPERIKSAAN AKHIR

Peperiksaan Akhir diadakan pada bulan Jun di beberapa tempat di seluruh Malaysia yang ditetapkan sebagai Pusat Peperiksaan untuk pelajar-pelajar PPJJ.